

Jadi juruterbang, jurutera serentak

Dua aspek pengajian hanya empat tahun antara keunikan Program Aeronautik UTHM



Tunjuk ajar di hangar.

Berhajat terlibat dalam bidang teknologi kejuruteraan aeronautik dalam masa sama mendapat kelayakan lesen penerbangan profesional untuk meneroka langit biru?

Kamu boleh realisasikan ini di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menawarkan program ijazah sarjana muda pertama seumpamanya di Asia Tenggara, di mana program ini menggabungkan aspek teknologi kejuruteraan aeronautik dan aspek pelesenan penerbangan profesional.

Pada masa ini, UTHM menawarkan dua pilihan program sarjana muda iaitu dalam aspek Pelesenan Program, penuntut boleh memilih sama ada untuk mengambil Pelesenan Juruterbang ataupun Pelesenan Jurutera Penyenggaraan Pesawat.

Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) menghasilkan graduan yang mempunyai ijazah sarjana muda dan lesen Juruterbang Pengangkutan Udara Komersial (ATPL) atau Lesen Juruterbang Persendirian (PPL), manakala program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat) menghasilkan graduan ijazah sarjana muda dan lesen Jurutera Penyenggaraan Pesawat Berbang (AMEL).

Dengan memasuki program ditawarkan di UTHM ini, penuntut berpeluang untuk



memperoleh kedua-duanya serentak, iaitu mereka boleh menjadi jurutera aeronautik dan pada masa sama mereka juga adalah seorang juruterbang atau jurutera penyenggaraan pesawat bertauliah.

Jadi penuntut tidak perlu membuat pilihan sama ada untuk melanjutkan pengajian di universiti atau di pusat latihan penerbangan kerana kedua-duanya, iaitu pengajian sarjana muda dan latihan pelesenan penerbangan akan dilaksanakan serentak dan mereka berupaya menyelesaikan kedua-dua aspek pengajian ini dalam masa sekitar empat tahun sahaja. Inilah keunikan Program Aeronautik UTHM.

Permintaan tinggi

Mengikuti pengajian secara sambilan di samping menggalas tugas sebagai juruterbang atau jurutera penyenggaraan pesawat bukanlah



Latihan simulasi penerbangan.

suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan terutamanya cabaran dari segi kekangan masa.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UTHM, Prof Madya Dr Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin berkata, Justeru Program Aeronautik yang ditawarkan oleh UTHM ini adalah berdasarkan kepada keperluan semasa dalam sektor penerbangan iaitu bagi menangani beban tugas dan tanggungjawab juruterbang dan jurutera penyenggaraan pesawat kini yang semakin lebih jauh mencahar.

"Oleh demikian, sudah tentu graduan keluaran UTHM ini akan mempunyai kelebihan tertentu kerana mereka adalah juruterbang dan jurutera penyenggaraan berjajazah.

"Inilah keunikan Program Aeronautik UTHM yang secara ringkasnya boleh dikatakan ia program dua dalam satu, yang kini mendapat permintaan tinggi bukan sahaja dari dalam negara, malah telah menarik minat ramai calon penuntut dari luar negara," katanya.

Menurutnya, program ini juga mendapat permintaan dalam kalangan juruterbang dan jurutera penyenggaraan yang telah lama berada dalam industri penerbangan kerana melihat kepentingan untuk memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang aeronautik.

Pihak industri beminat untuk mengambil graduan aeronautik UTHM untuk berkhidmat dengan mereka kerana menyedari graduan UTHM ini mempunyai nilai tambah berbanding juruterbang dan jurutera penyenggaraan pesawat lepasan dari pusat latihan penerbangan dan penyenggaraan pesawat.

"Panggilan pihak industri dalam Program Aeronautik UTHM bermula sejak di peringkat awal pelaksanaan program ini lagi dengan lebih lapan industri penerbangan utama negara bersetuju menandatangani memorandum persefahaman dengan UTHM dalam pelbagai aspek pembangunan modal insan dalam bidang penerbangan.

"Program Aeronautik ditawarkan UTHM ini telah mendapat kelulusan akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan latihan pelesenan yang dibuat adalah bersama dengan pusat latihan bertauliah (ATO) yang diiktiraf oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA)," katanya.

Kesep pembelajaran melalui pengalaman yang ditekankan oleh UTHM dijalankan melalui persekitaran yang kondusif dengan kemudahan hangar, ruang pejabat, dewan kuliah dan lapangan terbang serta kemudahan asas yang lain.

Kemudahan yang dimiliki UTHM juga adalah setaraf dengan kemudahan yang dimiliki oleh universiti yang sangat tersohor dalam bidang aeronautik iaitu Embry-Riddle Aeronautical University di Amerika Syarikat yang juga digelar sebagai Harvard of the Sky.

"Sekiranya Embry-Riddle digelar sebagai Harvard of the Sky kerana universiti ini sangat terkenal dalam bidang aeronautik, UTHM sangat komited untuk dikenali sebagai Embry-Riddle of the East," kata Shahrudin.

UTHM buat julung kalinya pada Konvokesyen Kali Ke-16 tahun lalu berjaya melahirkan 10 graduan dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Aeronautik berserta kelayakan lesen profesional.



Perhimpunan pagi antara sesi wajib dihadiri penuntut.



Kuliah di dalam kelas.